



**PENDAFTAR PERTUBUHAN
IBU PEJABAT
PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
BANDAR SERI BEGAWAN BE1710
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TELEFON : 2459500, 2423901 Ext 241**

PERMOHONAN UNTUK MENDAFTAR PERTUBUHAN

1. Pendahuluan

Pertubuhan berdaftar hendaklah berfungsi mengikut kehendak perlembagaan pertubuhan dan mematuhi sepenuhnya Akta Pertubuhan, Penggal 203.

2. Definisi Pertubuhan

Mana-mana perkumpulan yang mempunyai keahlian sekurang-kurangnya sepuluh (10) orang atau lebih dan mempunyai tujuan tertentu adalah layak untuk memohon mendaftar pertubuhan tetapi tidak termasuk :

- Syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat
- Badan korporat yang diperbadankan atau ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis
- Mana-mana kesatuan kerja yang berdaftar di bawah Akta Kesatuan Kerja
- Mana-mana syarikat, usahasama atau rakan kongsi yang ditubuhkan bagi tujuan perniagaan dan untuk mendapat keuntungan semata-mata
- Mana-mana koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi (Co-Operative Societies Act)
- Mana-mana organisasi atau pertubuhan yang menjadi sebahagian dari ko-kurikulum sekolah
- Mana-mana sekolah, jawatankuasa pengurusan sekolah, persatuan ibu-bapa atau persatuan ibu-bapa dan guru yang berdaftar atau dikecualikan untuk berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis
- Mana-mana organisasi atau pertubuhan yang ditubuhkan oleh mana-mana Jabatan kerajaan atau Kementerian yang mana semua ahlinya terdiri daripada pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam.

3. Cara Memohon Pendaftaran Pertubuhan

- I. Pemohon hendaklah mengisi borang-borang yang boleh didapati melalui laman web: <https://ros.police.gov.bn/> dan
 - menghantar terus permohonan untuk mendaftar pertubuhan yang dicadangkan melalui laman web tersebut; atau
 - memuat turun borang tersebut dan menghadapkannya ke Pejabat Pendaftaran Pertubuhan atau
- II. Pemohon juga boleh mendapatkan borang tersebut dari Pejabat Pendaftaran Pertubuhan, Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei, Gadong. (bayaran akan dikenakan bagi borang yang diambil dari Pejabat Pendaftaran Pertubuhan)

Borang-borang yang perlu dilengkapkan :

1. **ROS/PP1 - Permohonan Bagi Pendaftaran Pertubuhan - Borang Maklumat Persatuan**
2. **ROS/PP2 - Borang Maklumat Pemegang Jawatan Sementara / Ahli Biasa Sebuah Pertubuhan Yang Dicapangkan**

Borang permohonan hendaklah disertakan bersama dengan :

1. Salinan perlembagaan pertubuhan yang dicadangkan untuk didaftarkan dan
2. Salinan kad pengenalan ahli-ahli jawatankuasa sementara yang dilantik.
3. Gambar terkini berukuran paspot 1 keping bagi setiap pemegang jawatan dalam pertubuhan

4. Bayaran Bagi Permohonan Yang Diluluskan

Setiap pemohon yang mana permohonan untuk mendaftarkan pertubuhan mereka diluluskan adalah dikehendaki untuk membuat pembayaran secara tunai kepada Ibu Pejabat Polis DiRaja Brunei sebanyak **B\$200.00 (Dua Ratus ringgit sahaja)**

5. Rayuan Terhadap Penolakan Permohonan Pendaftaran Pertubuhan

Jika sekiranya permohonan untuk mendaftar sesebuah pertubuhan ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan atas apa jua sebab, pemohon bolehlah membuat rayuan mengenai keputusan tersebut kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penolakan pendaftaran.

6. Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Setelah Permohonan Mendaftar Pertubuhan Diluluskan

Setelah pertubuhan yang dipohonkan untuk didaftarkan telah diluluskan pendaftarannya, adalah menjadi tanggungjawab Ahli Jawatankuasa pertubuhan untuk menghadapkan laporan tahunan pertubuhan dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Mesyuarat Agung Tahunan pertubuhan diadakan. Jika tiada mesyuarat agung diadakan, laporan tahunan pertubuhan hendaklah dihadapkan dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas berakhir tahun kalendar.

Sebarang Pertanyaan, Sila Hubungi:

Telefon : 2459500, 2423901 **smb :** 241

Faks : 2424954

E-mel / Laman Web : ros@police.gov.bn / <https://ros.police.gov.bn>